

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JANUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Rangka Tindakan Sektor Kewangan baharu akan kemudi cabaran, lengkapkan misi RMK12

Rangka Tindakan Sektor Kewangan baharu akan kemudi cabaran, lengkapkan misi RMK12



TENGKU ZAFRUL

KUALA LUMPUR - Strategi yang dibentangkan dalam Rangka Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 akan menjadi kritikal bagi sektor itu untuk mengharungi atau mengemudi cabaran dan peluang yang mendatang, dan seterusnya melengkapkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kata Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrol Tengku Abdul Aziz.

Beliau menyatakan hasil utama yang dijangkakan termasuk memajukan pendigitalan sektor ke-

wangan; menyediakan pilihan dan akses yang bermakna untuk pengguna; meningkatkan kerancakan ekosistem pembiayaan untuk memenuhi keperluan ekonomi Malaysia; dan penggunaan yang lebih meluas terhadap amalan kewangan hijau dan keimamanan.

"Saya turut menantikan pernyeratan bank digital, penanggung insurans dan pengendali takaful digital.

"Impak mereka kepada pembangunan negara melalui peng-

gunaan teknologi dan pengenalan penyelesaian kewangan yang inovatif akan meningkatkan ke sejahteraan rakyat Malaysia, memupuk kecekapan yang lebih tinggi serta menyumbang ke arah landskap kewangan yang lebih berdaya saing," katanya.

Tengku Zafrol berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Minggu MyFintech 2022 dan pelancaran Rangka Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 yang diadakan secara maya

pada Isnin.

Jelasnya sektor kewangan perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam menempatkan ekonomi di landasan yang lebih baik.

"Memandangkan sekaran ini, matlamat negara telah ditetapkan dan rangka tindakan dirangka, tiba masanya untuk bertindak. Tahun 2022 bukan sahaja akan menjadi tahun pemulihan, tetapi juga peluang melakukan pembaharuan dan membuktikan masa depan diri kita sendiri," katanya. -Bernama